

# Lahir mahasiswa serba boleh

Program Duta Jauhar dedah ilmu baharu kepada penuntut IPT, beri manfaat secara langsung kepada masyarakat

**BATU PAHAT** - Seramai 30 penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai projek tanaman cili secara fertigasi yang dijalankan dengan kerjasama masyarakat di Kampung Parit Surau, Parit Raja.

Projek di bawah Program Duta Jauhar itu sehingga kini sudah mampu menuai sehingga 3,000 kilogram cili.

Adun Semarang, Datuk Samsol Bari Jamali berkata, program di bawah Mahasiswa Anak Jati Johor (Mahajji) itu bertujuan melahirkan mahasiswa serba boleh dan berwibawa dalam membantu masyarakat.

“Ia juga sebagai platform menyampaikan dan memberangkatkan kepada masyarakat mengenai isu-isu semasa serta terkini yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan keharmonian.

“Selain itu, ia memberi peluang kepada mahasiswa me-

latih kemahiran yang dipelajari dengan mempraktikkannya di lapangan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Upacara Penutup dan Majlis Petik Cili Centil Mega sempena Projek Duta Jauhar 3.0 UTHM, Operasi Khidmat Masyarakat Desa Cemerlang.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTHM, Prof Madya Dr Asri Selamat; Penyelia Projek Duta Jauhar 3.0 UTHM, Dr Khairol Anuar Kamri; Ketua Kampung Kawasan Parit Tengah, Samion Selamat dan Konsultan YPJ, Mohd Mushin Ismail.

Sementara itu, menurut Asri, program yang menggunakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu melibatkan pelbagai pihak.

Katanya, antaranya ialah penuntut institusi pendidikan tinggi (IPT), pihak uni-

versiti, penduduk setempat dan agensi kerajaan yang bergabung idea serta tenaga untuk sesuatu ilmu yang baharu kepada mahasiswa, selain memberikan manfaat juga pulangan kepada penduduk.

“Dalam program Duta Jauhar ini, pelajar didedah dengan ilmu yang di luar bidang pengajian masing-masing, seperti perkhidmatan, pertanian, pembuatan dan pelbagai lagi bidang yang mungkin menjadi sumber pendapatan kepada pelajar itu sendiri kelak.

“Di UTHM ini, kebanyak-an pelajar adalah dari jurusan kejuruteraan, namun kami memberikan pendedahan kepada mereka dalam bidang pertanian, di mana kami menjalankan pertanian moden secara fertigasi.

“Kami mengadakan kerjasama dengan penduduk Kampung Parit Surau, Parit Raja dan juga Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bagi menjalan-



Antara peserta yang terlibat dalam projek Duta Jauhar 3.0 bersama hasil cili yang dipetik.

kan tanaman cili secara berkelompok ini,” katanya

Tambahnya, untuk projek itu, pihaknya mempunyai masa sebanyak tiga kali tuai-an dan ia merupakan satu perkembangan positif serta boleh diteruskan pada masa

akan datang, lebih-lebih lagi UTHM telah memenangi Anugerah Emas Duta Jauhar 2.0, tahun lalu.

Selain UTHM, sebanyak 28 kumpulan pelajar terlibat terdiri dari Institut Sains dan Teknologi Darul

Takzim (Instedt), Kolej YPJ, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi Mara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Johor Skills, dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).